

# Pensyarah terawal USIM meninggal dunia

**SEREMBAN 11 Jun** - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) kehilangan seorang pensyarah bahasa Arab di Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Allahyarham Dr. Ahmad Pangidoan Nasution (**gambar**), 58, yang meninggal dunia baru-baru ini.

Allahyarham merupakan antara pensyarah terawal menabur bakti di USIM (semasa itu dikenali sebagai Kolej Universiti Islam Malaysia) bermula pada 2003.

Allahyarham berkelulusan Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab dan Sastera, Universiti Islam Madinah pada 1987; Sarjana Bahasa Arab Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) (1996) dan Doktor Falsafah dalam Pengajian Bahasa Arab Fonetik di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (2002).

Jawatan terakhir Allahyarham di USIM selain sebagai seorang pensyarah ialah Ketua Program Bahasa Arab di FPBU sejak 2010.

Menurut satu kenyataan USIM, Ahmad Pangidoan berada dalam keadaan separa sedar selepas mendapat serangan strok sejak pertengahan Februari lalu.

"Allahyarham dilaporkan mengalami sesak nafas di kediamannya



**AHMAD PANGIDOAN NASUTION**

pada Ahad petang dan dibawa ahli keluarga ke Hospital Sungai Buloh untuk rawatan sebelum menghembuskan nafas terakhir kira-kira jam 10.15 malam.

"USIM merakamkan ucapan takziah dan rasa sedih atas pemergian Allahyarham," kata kenyataan itu.

Allahyarham meninggalkan seorang balu, Asniwati Hasmoni, 52, dan empat anak.

Antara sumbangan besar Al-

lahyarham dalam perkembangan Bahasa Arab di peringkat pengajian tinggi ialah menjadi tulang belakang membawa Debat Bahasa Arab untuk dipertandingkan kali pertama dalam Debat Diraja Antara Universiti pada 2006 di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas).

Selain itu, beliau turut menjadi penggerak dan rujukan dalam aspek kehakiman kepada pengajuran Debat Bahasa Arab Institusi Pengajian Tinggi ASEAN (2005-2014) dan Debat Bahasa Arab Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan (2008-2014) anjuran USIM.

Atas baktinya itu, beliau dipilih sebagai penerima Anugerah Hakim Berjasa (Bahasa Arab) oleh Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (Madum) pada 2010.

Jenazah Allahyarham telah disembahyangkan di Masjid Darul Ehsan, Kampung Kubu Gajah, Sungai Buloh, Selangor, kira-kira pukul 10 pagi semalam.

Yang turut sama menyertai solat jenazah itu ialah Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad bersama para pengurus kanan universiti, kakitangan fakulti dan pelajar.